



Terbit pada Sabtu  
minggu pertama setiap bulan

# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

**BH**  
Berita Harian



**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tengah) bersama Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon (kiri) dan Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Nurmalia Abdul Rahim (kanan) semasa Retreat MPIC 2014.**

## MPIC anjur Retreat Realisasi Transformasi Sektor Komoditi

» *Perbincangan kenal pasti kaedah terbaik bagi melonjak prestasi sektor komoditi negara*

Oleh **Che Johari Mamat**  
mjohari@mpob.gov.my

Port Dickson

**K**ementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menganjurkan Retreat MPIC 2014 bertemakan Me-realisasikan Transformasi Sektor Komoditi bagi mengkaji semula sasaran ditetapkan di bawah Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011-2020.

Ia juga bagi mengenal pasti perubahan persekitaran dalaman dan luaran, kelemahan di setiap peringkat rantaian nilai dan mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi melonjak prestasi sektor komoditi negara.

Hasil ini akan memudahkan MPIC untuk mengenal pasti dan memberi fokus kepada program mengukuhkan pembangunan in-

dustri komoditi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi menjana dan meningkatkan pendapatan sektor komoditi termasuk pekebun kecil.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata demikian ketika berucap merasmikan Retreat MPIC 2014 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata: "Kita memerlukan strategi dan program baru yang proaktif dan inovatif bagi menjamin produk berasas komoditi berupaya menjana pendapatan sebagai produk bernilai tambah tinggi dan berdaya saing di pasaran."

### Tingkat pendapatan

"Usaha dan strategi ini perlu dilihat dari sudut meningkatkan pendapatan para pengusaha tanaman komoditi terutamanya pekebun kecil."

"Pada masa ini, hampir 40 peratus daripada keluasan tanaman sawit adalah diusahakan oleh pekebun kecil, 95 peratus bagi tanaman getah dan 100 peratus bagi tanaman koko dan lada."

"Kerajaan menetapkan sasaran peningkatan pendapatan pekebun kecil komoditi sekurang-kurangnya ke paras RM4,000 sebulan menjelang tahun 2020."

"Oleh itu, kita perlu merangka pelan tindakan yang mantap dan bekerjasama dengan Kementerian serta agensi lain melalui pendekatan strategiblu ocean bagi merealisasikan sasaran tersebut."

"Kita seharusnya melakukan anjakan paradigma dan perlu berusaha *to think in new boxes* bagi memastikan hala tuju sektor komoditi negara seperti yang ditetapkan dalam DKN 2011-2020

**“ Kita memerlukan strategi dan program baru yang proaktif dan inovatif bagi menjamin produk berasas komoditi berupaya menjana pendapatan sebagai produk bernilai tambah tinggi dan berdaya saing di pasaran ”**

**Datuk Amar Douglas Uggah Embas,**  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

itu berjaya direalisasikan."

Beliau juga menyarankan supaya Kementerian dan agensi mengadakan smart partnership dengan pihak swasta selaras dengan dasar Malaysia Incorporated dalam memajukan lagi industri komoditi negara.

Selain itu katanya: "Saya ingin melihat perubahan dalam menangani isu pasaran bagi komoditi. Transformasi perlu dilakukan di dalam memperkukuhkan market intelligence bagi komoditi terutama di pasaran antarabangsa."

### Tangani isu secara proaktif

"Dengan adanya maklumat risikan pasaran yang mantap, kita berupaya menangani isu-isu secara proaktif dan ini akan membantu kita di dalam merancang strategi-strategi pemasaran dan pembangunan komoditi negara."

"Kita perlu mengkaji hala tuju dari perspektif pasaran eksport serta keperluan menjenamakan produk komoditi negara bagi memastikan ia berdaya saing dengan produk dan minyak sayuran lain di pasaran dunia."

"Kepakaran kita terutama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu di synergise bagi meningkatkan pengeluaran produk-produk tam-

bah nilai dan pada masa yang sama meningkatkan imej industri komoditi negara."

Peningkatan produktiviti berkait rapat dengan input pengeluaran lain seperti kecekapan guna tenaga dan penggunaan input pertanian yang lain.

"Semua ini perlu diberi perhatian dan dilakukan transformasi secara menyeluruh memandangkan pada masa kini, industri komoditi negara masih bergantung kepada penggunaan tenaga buruh, terutamanya pekerja asing."

"Transformasi melalui penggunaan kaedah penyelesaian yang praktikal, inovatif dan penggunaan mekanisme berupaya melonjakkan industri komoditi negara dan sudah tentu akan meningkatkan daya saing komoditi di pasaran dunia," katanya.

Datuk Amar Douglas menyeru supaya Kementerian dan agensi menilai semula fungsi dan peranan masing-masing supaya retreat ini dapat menghasilkan suatu transformasi yang baharu bagi sektor komoditi negara.

Hadir sama, Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Seri Nurmalia Abdul Rahim; Timbalannya, Datuk M.Nagarajan; Ketua-ketua Pengarah Agensi dan pegawai kanan Kementerian serta agensi.

Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme atau ETP) adalah satu rancangan komprehensif yang dilancarkan oleh Kerajaan dalam usaha untuk mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Di bawah ETP, terdapat dua belas Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area atau NKEA) yang dikenal pasti sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Salah satu NKEA ialah sektor sawit.

MPOB bertanggungjawab bagi pelaksanaan 7 Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA Minyak Sawit. Pelaksanaan EPP dijangka akan menyumbang sebahagian kepada peningkatan Pendapatan Negara Kasar daripada RM52.7 bilion pada 2009 kepada RM178 bilion menjelang 2020. Ia turut akan mewujudkan 80,000 peluang pekerjaan mahir baru dalam segmen hiliran menjelang 2020. Lapan EPP itu yang ditetapkan oleh kerajaan dengan dua teras strategi yang disasarkan bukan hanya memastikan kemampanan dan penambahbaikan produktiviti sektor hulu tetapi juga pembangunan sektor hiliran. Lima EPP yang menunjang kepada peningkatan produktiviti dan pengalakan amalan secara mampan segmen hulu ialah EPP 1 – mempercepatkan penanaman semula sawit dengan menggunakan benih bermutu; EPP 2 – mempertingkatkan pengeluaran hasil buah tandan segar melalui Amalan Pertanian Baik (GAP); EPP 3 – mempertingkatkan produktiviti pekerja melalui mekanisasi; EPP 4 – meningkatkan kadar perahan minyak; dan EPP 5 – membina loji biogas di kilang kelapa sawit.

Kerajaan turut memperakui peranan yang dimainkan oleh para pekebun kecil dalam membangunkan dan menambah baik sektor minyak sawit negara. Bagi memastikan aspirasi ini berjaya, Kerajaan telah mewujudkan tiga skim khusus untuk membantu para pekebun kecil sawit persendirian iaitu Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC). Matlamat utama adalah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui penambahan keluasan tanaman sawit oleh pekebun kecil, penghasilan sawit yang tinggi serta bermutu tinggi dan peningkatan produktiviti penuaian buah sawit melalui mekanisasi.

Teras strategi yang kedua dalam memacu Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi ialah menerusi pengkomersialan produk hiliran sawit. Kemajuan aktiviti hiliran akan didorong oleh tumpuan yang lebih kepada segmen produk yang memberikan nilai tinggi iaitu derivatif oleo termasuk agrokimia, surfaktan, pelincir bio, poliol bio dan juga derivatif gliserol. Tidak ketinggalan juga pengkomersialan produk-produk berasaskan makanan dan kesihatan yang turut diberikan tumpuan dan galakan.

Menurut rekod Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), dalam tempoh tiga tahun antara 2011 dan 2013, Kerajaan menerusi agensi pelaksana iaitu MPOB telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan daripada pihak swasta berjumlah RM1.355 bilion untuk pembangunan derivatif oleo di bawah EPP 6 dan sebanyak RM289 juta bagi sektor hiliran berasaskan makanan dan kesihatan di bawah EPP 8.

Untuk tahun ini, geran sebanyak RM123.1 juta tersedia di bawah EPP 6 bagi tujuan pembangunan sektor derivatif oleo. Manakala untuk EPP 8 pula, sebanyak RM50.0 juta telah diperuntukkan sebagai geran yang boleh dipohon oleh syarikat-syarikat dan institusi-institusi penyelidikan yang berkelayakan bagi mengkomersialkan dan membangunkan produk-produk makanan dan kesihatan berasaskan sawit. Saya ingin menjemput syarikat-syarikat yang berminat untuk menghantar cadangan projek mereka untuk dipertimbangkan.

Malaysia mempunyai kelebihan dalam industri sawit berdasarkan pengalaman dan kekuatannya dalam aspek penyelidikan dan pembangunan. Minyak sawit adalah penyumbang kelima terbesar kepada pendapatan eksport negara pada tahun 2013. Justeru itu, MPOB akan memastikan usaha digembeling sepenuhnya di peringkat pelaksanaan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan selari dengan konsep 'inclusiveness' – membolehkan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat dari kekayaan negara dan 'sustainability' – memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi akan datang. Dengan penglibatan dan sokongan penuh pihak swasta dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah NKEA Minyak Sawit, saya menaruh keyakinan yang tinggi bahawa sasaran yang ditetapkan mampu dicapai. MPOB bersama-sama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi komited untuk memastikan semua inisiatif NKEA ini dilaksanakan dengan jayanya. – [choo@mpob.gov.my](mailto:choo@mpob.gov.my)



**MINDA**  
Datuk Dr Choo Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB



**Datuk Amar Douglas Uggah Embas** mempengerusikan dialog dengan ahli industri sawit sempena **Reach & Remind Friends of the Industry Seminar and Dialogue 2014**. Turut kelihatan Dato' Noriah Kasnon (dua dari kiri), Datuk M Nagarajan (kiri), Dato' Lee Yeow Chor (tiga dari kanan), Tan Sri Dr Yusof Basiron (dua dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).

# Menteri, ahli industri dialog isu sawit

» Galak interaksi berkesan bincang dan atasi masalah industri

Oleh Razita Abdul Razak  
[razita@mpoc.org.my](mailto:razita@mpoc.org.my)

✦ Kuching

**M**enteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, menyertai sesi dialog dengan ahli industri sawit membincangkan isu-isu semasa industri sempena *Reach & Remind Friends of the Industry Seminar 2014 and Dialogue: Challenges and Opportunities 2014* di Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

Program ini adalah antara inisiatif kerajaan untuk menggalakkan interaksi yang lebih berkesan antara kerajaan dan industri bagi tujuan membincang dan menangani isu-isu penting yang dihadapi oleh industri sawit masa kini.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas sewaktu berucap berkata, minyak sawit adalah antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negara melalui pendapatan eksportnya yang tinggi.

"Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013, pendapatan eksport minyak sawit dan produk minyak sawit mencatatkan sebanyak RM 61.29 bilion.

## Eksport meningkat

"Walaupun jumlah eksport meningkat dari 24.59 juta tan pada 2012 kepada 25.66 tan pada tahun 2013, hasil pendapatan eksport jatuh 14.15 peratus berbanding dengan RM71.4 bilion pada tahun 2012.

"Ini adalah disebabkan harga purata bulanan minyak sawit mentah (MSM) yang diniagakan rendah dan pernah jatuh ke tahap RM2,289, walaupun harga

purata bagi bulan Disember meningkat dan mencecah RM2,618 satu tan," katanya.

Ahli industri dan pakar perdagangan berpendapat kejatuhan harga tersebut adalah disebabkan saingan antara minyak dan lemak di pasaran global dan juga dipengaruhi oleh harga minyak mentah petroleum.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, beliau agak bimbang kerana minyak kacang soya terus mengekalkan premium ke atas minyak sawit dan usaha untuk merapatkan jurang perbezaan harga itu belum tercapai.

## Tangani isu harga

"Ini platform yang sesuai untuk memikir cara terbaik bagi menangani perbezaan harga tersebut dan membincangkan strategi untuk meningkatkan pendapatan industri sawit," katanya.

Salah satu cara bagi menguruskannya, kerajaan akan melaksanakan penggunaan bahan bio bakar sawit dan mulai bulan ini pelancaran penggunaan bio bahan api akan di kembangkan ke Wilayah Timur dan Utara, Semenanjung Malaysia.

Sehingga kini penggunaan bio bahan api itu telah pun dilancar dan digunakan di Wilayah Tengah yang meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka serta Wilayah Selatan yang meliputi seluruh negeri Johor.

"Dianggarkan 500,000 tan minyak sawit pada setiap tahun akan digunakan sebagai bahan bio bakar apabila pelaksanaannya meliputi ke seluruh negara dalam tempoh terdekat ini.

"Ini adalah satu strategi menguruskan stok MSM dan memberi isyarat kepada dunia tentang kesediaan industri sawit Malaysia mengambil langkah yang sesuai untuk memastikan perdagangan minyak sawit sentiasa berdaya saing," katanya. Dalam perkembangan lain, Da-

tuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, kempen antiminyak sawit oleh gabungan organisasi bukan kerajaan (NGO) barat adalah berat sebelah dan tidak adil kerana mereka tidak memikirkan sumbangan industri sawit kepada keselamatan makanan global dan juga dipengaruhi oleh harga minyak mentah petroleum.

"Kita di sini telah melakukan yang terbaik dengan meningkatkan pengurusan biodiversiti dan pemuliharaan alam sekitar untuk kemampanan jangka panjang industri sawit," katanya.

Beliau juga memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus membantu industri untuk menangani halangan dan sekatan yang dihadapi serta berusaha menembusi pasaran baru bagi memastikan industri sawit negara lebih kompetitif.

Selaras dengan inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan itu, beliau meminta ahli industri turut melaksanakan strategi penambahbaikan berterusan bagi meyakinkan pelanggan global terus memilih minyak sawit.

Beliau berkata, *Reach & Remind Friends of the Industry Seminar 2014 and Dialogue: Challenges and Opportunities 2014* menyediakan platform kepada penggiat industri sawit untuk mendapatkan maklumat terkini isu, semasa dan cabaran yang dihadapi oleh industri pada tahun 2014.

Seminar anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datu Patinggi Tan Sri Dr Alfred Jabu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon; Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan; Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor; Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

# Rakyat disaran bekerja di sektor semaian sawit

» Langkah tangani masalah kekurangan tenaga kerja

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

Bangi

Rakyat tempatan disaran supaya menceburi bidang kerjaya di sektor tapak semaian sawit yang pada masa kini menghadapi kekurangan tenaga kerja yang membimbangkan.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad berkata demikian semasa sesi interaksi MPOB bersama ahli Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) di sini,

baru-baru ini.

Beliau berkata, kerajaan melalui MPOB akan mencari jalan penyelesaian yang sebaik mungkin bagi menangani masalah kekurangan tenaga kerja dan melalui sesi interaksi seperti ini, ia adalah pendekatan terbaik bagi menyelesaikan apa juga permasalahan.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il berkata, hasil kajian MPOB mendapati jumlah tenaga kerja bagi 513 tapak semaian yang aktif di seluruh negara pada masa kini 5,420 orang.

"Kebanyakannya berada di Semenanjung, iaitu seramai 2,803 orang (51.7 peratus), Sarawak seramai 1,416 orang (26.2 peratus) dan Sabah seramai 1,201 orang (22.1 peratus).

"Dari jumlah itu, Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah masing-masing menggunakan tenaga pekerja asing seba-



Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad semasa mempengerusikan sesi interaksi MPOB bersama ahli-ahli Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) di Ibu Pejabat MPOB.

nyak 42.8 peratus, 40.2 peratus dan 64.6 peratus," katanya.

Beliau berkata, nisbah bilangan pekerja dengan keluasan tapak semaian masa kini adalah 1:1.30 (satu hektar menggunakan pekerja seramai 1.30 orang) dan kita bersetuju untuk meningkatkan nisbah itu kepada 1:2 (satu hektar menggunakan dua orang pekerja).

### Bentang kertas cadangan

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il berkata, kertas cadangan mengenai perkara itu dibentangkan kepada Kementerian Sumber Ma-

nusia dan akan dibincang selanjutnya dengan Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing untuk mengatasi masalah itu.

Pada sesi interaksi itu juga, beliau menggesa ahli-ahli MOPNA menyedia dan membekalkan anak benih sawit berkualiti kepada pekebun kecil.

"Pada masa kini pelaksanaan tanam semula dan tanam baru sawit sedang rancak dijalankan dan ahli-ahli MOPNA diminta supaya menyediakan bekalan anak benih yang mencukupi untuk tujuan itu."

"Ini adalah penting bagi men-

jaminakan pelaksanaan program tanam semula dan tanam baru sawit itu tidak tergendala dan sekali gus berupaya mencapai sasaran meningkatkan pengeluaran buah sawit kepada 22 tan sehektar menjelang tahun 2016 nanti," katanya.

Seramai 15 orang ahli MOPNA yang diketuai oleh Naib Presidenya, Tan Kim Tun hadir pada sesi interaksi itu, manakala MPOB diwakili oleh Pengarah-pengarah Bahagian yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Kushairi Din.

# 350 pemegang lesen hadir taklimat SPS

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

Seramai 350 pemegang lesen MPOB Wilayah Tengah yang berdaftar dan terbabit dengan aktiviti mengalih minyak sawit menghadiri taklimat pelaksanaan Sistem Pemantauan Sawit (SPS) yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini.

Pemegang lesen itu terdiri daripada kategori kilang sawit, kilang penapis, kilang pelumat isirung, pusat simpanan dan pengusaha syarikat pengangkutan minyak sawit di Wilayah Tengah yang meliputi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka.

### MPOB pantau aktiviti

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May sewaktu berucap merasmikan taklimat SPS itu berkata, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui MPOB membuat ketetapan melesenkan kenderaan yang terbabit dengan aktiviti pengalihan dan pengangkutan minyak sawit bagi tujuan pemantauan.



Peserta yang terdiri daripada pemegang lesen MPOB bagi aktiviti pengangkutan dan pengalihan minyak sawit sedang mendengar taklimat Sistem Pemantauan Sawit (SPS).

"Justeru, MPOB telah melaksanakan pendaftaran dan melesenkan syarikat pengangkutan dan individu yang terbabit dengan pengalihan minyak sawit dan dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 mulai 3 Mac 2011," katanya

Datuk Dr Choo berkata, MPOB akan terus meningkatkan aktiviti kawal selia melalui aktiviti pe-

ngesanan, pencegahan dan pengawalan mutu di setiap rantaian industri bagi menjamin kualiti dan keselamatan produk sawit yang dihasilkan.

### Eksport minyak berkualiti

"Malaysia sebagai pengeksport terbesar minyak sawit berkualiti tinggi ke 90 buah negara dunia perlu memastikan dan dipercayai menghasil serta mengeksport minyak sawit berkualiti yang me-

enuhi kehendak pelanggan.

"Kepercayaan negara pengimport ke atas kualiti minyak sawit yang dihasilkan oleh negara sekali gus mendorong kepada pertambahan permintaan dan peningkatan eksport yang akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara," katanya.

Beliau berkata, tujuan MPOB mendaftar dan melesenkan syarikat pengangkutan dan individu

yang terbabit dengan aktiviti mengalih minyak sawit adalah untuk:

Membanteras kegiatan sedut curi minyak sawit semasa pengalihan.

Membendung aktiviti pencemaran minyak sawit yang boleh menjejaskan kualiti, keselamatan makanan, kerugian dan imej industri sawit, dan

Mewujudkan pangkalan data bagi tujuan pengesanan semula minyak sawit semasa pengalihan dan senarai hitam pemandu.

Mengenakan syarat-syarat lesen bagi pengusaha syarikat pengangkutan untuk mengambil langkah pencegahan yang perlu bagi menjamin keselamatan minyak sawit semasa pengalihan.

"Dengan berkuatkuasanya peraturan ini, syarikat pengangkutan yang terbabit disyaratkan mendaftar pemandu dan kenderaan digunakan dengan MPOB.

"Selain itu, setiap lori tangki pengangkutan minyak sawit perlu dilengkapi dengan Sistem Pengesanan Global (GPS) yang dibekalkan oleh Panel GPS yang diiktirafkan oleh MPOB," katanya.

# Oman minat teknologi sawit MPOB

**» Mahu dalami teknik diguna, sesuaikan dengan pembangunan industri kurma**

**Oleh Muhammad Asyraf Hussin**  
asyraf.hussin@mpob.gov.my

**Bangi**

Negara pengeluar kurma kelapan terbesar di dunia, Oman, berminat mempelajari teknologi yang dibangunkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan menyesuaikan dalam pembangunan

industri kurma di negara itu.

Hasrat ini disuarakan Ketua Pengarah Million Date Palm Project, Dr Saif Al Shaqsi, sewaktu mengadakan perbincangan bersama Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, di sini baru-baru ini.

Turut hadir di mesyuarat itu adalah Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Pensyarah Sultan Qaboos University, Dr Ahmad Al-Maskri.

**Tanam 1 juta pokok kurma**

Dr Saif yang juga Ketua Pegawai Eksekutif National Field Research Centre for Environmental Conservation of the Royal Court of Oman berkata, Oman sedang di dalam proses menanam 1 juta pokok kurma dan teknologi sawit

MPOB boleh membantu sektor perladangan kurma negara itu.

"Oman juga tertarik dengan prinsip sifar sisa yang diamalkan sektor perladangan sawit Malaysia di mana pelbagai barangan sawit dihasilkan daripada pokok dan sisa sawit," tambah beliau.

**Pulihara biodiversiti**

Sementara itu, Datuk Dr Choo Yuen May di dalam ucapan aluannya berkata, pembangunan industri sawit di Malaysia tidak menyebabkan kemusnahan hutan dan biodiversitinya kerana pembukaan ladang sawit dilakukan di kawasan luar jalur lingkaran hutan simpan kekal negara.

Pembangunan ladang sawit dilakukan mengikut kriteria pensijilan RSPO dan amalan 'Good Agricultural Practice' (GAP) serta

juga menepati Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

"Begitu juga pengurusan air kumbahan dari kilang sawit menepati piawaian Jabatan Alam Sekitar sebelum disalurkan ke sungai yang menjadi sumber air

“

Oman juga tertarik dengan prinsip sifar sisa diamalkan sektor perladangan sawit Malaysia di mana pelbagai barangan dihasilkan daripada pokok dan sisa sawit”

**Dr Saif Al Shaqsi,**  
Ketua Pengarah Million Date Palm Project

bersih untuk kegunaan dan minuman penduduk tempatan.

"MPOB juga membantu dan membangun sektor pekebun kecil dengan memberi khidmat nasihat melalui pegawai TUNAS dan menyediakan skim bantuan untuk tanaman baru dan tanaman semula sawit tua serta bantuan peralatan pertanian kepada pekebun.

"Selain itu, khidmat nasihat berkaitan pengurusan kebun sawit seperti pemilihan anak benih, pembajaan, kawalan perosak dan penuaian buah sawit turut disediakan kepada pekebun kecil sawit," katanya.

Pelawat dimaklumkan bahawa Malaysia mengamalkan pengurusan hutan dan tanaman sawit mampan (sustainable) bagi tujuan pengeluaran biofuel.

## Program tingkat taraf hidup pekebun dilaksanakan

**Bangi:** Kerajaan, pada masa ini sedang giat melaksanakan pelbagai program pembangunan yang membabitkan pekebun kecil sawit dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui MPOB diberi mandat membantu dan membangunkan pekebun kecil sawit persendirian kata Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad semasa sesi interaksi MPOB bersama dengan perwakilan Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) baru-baru ini.

Beliau berkata, antara program dan khidmat yang disalurkan kepada pekebun kecil sawit untuk meningkatkan pendapatan adalah khidmat nasihat teknikal sawit dan menyalurkan bantuan-bantuan kerajaan melalui pegawai TUNAS yang di seluruh negara.

"Bantuan dan khidmat nasihat yang disediakan oleh MPOB

kepada pekebun kecil masa kini adalah Skim Bantuan Tanam Baru Sawit, Tanam Semula Sawit, Skim Diskaun Cantas (SKIDIC) dan bantuan alat-alatan pertanian," katanya.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata, sehingga November 2013, MPOB telah mendaftarkan dan melesenkan sejumlah 191,130 pekebun kecil sawit persendirian dengan keluasan 744,025 hektar di seluruh negara.

"Dari jumlah itu, 143,811 pekebun kecil dengan keluasan 454,967 di Semenanjung Malaysia, 29,375 pekebun berkeluasan 196,899 hektar di Sabah dan 17,944 pekebun dengan keluasan 92,159 hektar di Sarawak.

"Sebahagian dari mereka terbabit secara langsung dengan

penanaman semula bagi tanaman yang telah mencapai usia 25 tahun dan juga penanaman baru sawit menerusi Skim Bantuan Tanam Semula Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).

"Kerajaan melalui MPOB menyediakan dan menyalurkan bantuan sebanyak RM7,500 sehektar bagi pekebun kecil di Semenanjung dan RM9,000 sehektar bagi mereka di Sabah dan Sarawak di bawah kedua-dua skim ini," katanya.

Pekebun kecil yang terbabit dinasihatkan supaya mendapatkan bekalan anak benih berkua-

liti dan tulen daripada pembekal yang diiktirafkan oleh MPOB bagi memastikan pokok yang ditanam akan menghasilkan produktiviti yang tinggi.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata bagi 2014, Kementerian melalui MPOB menasaskan akan menyalurkan bantuan skim TSSPK dan TBSPK bagi penanaman sawit berjumlah 35,000 hektar.

"Dari jumlah itu, bantuan untuk keluasan 11,000 hektar di Semenanjung, 8,000 hektar di Sabah dan 16,000 hektar di Sarawak," katanya.

## NOTIS

### SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT (SIBS) 2014

SIBS bertujuan untuk menambahkan penggunaan biodiesel sawit bagi mengurangkan stok minyak sawit dan menyumbang terhadap pengukuhan harga minyak sawit. Penggunaan biodiesel sawit akan menyumbang terhadap pengurangan pelepasan gas rumah hijau terutamanya bagi kilang-kilang yang menggunakan dandang dan jentera berenjin diesel.

Permohonan SIBS 2014 dikehendaki mempunyai lesen perniagaan yang masih sah laku pada tarikh permohonan dan berdasarkan first-come first-serve basis sehingga peruntukan habis dibelanjakan.

\*PERMOHONAN DIBUKA SEKARANG

Borang permohonan dan syarat syarat SIBS, layari [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

Pertanyaan:

**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA**  
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Malaysia.

MPOB  
Tel: 03-8769 4653 / 4264  
Email: [biodiesel@mpob.gov.my](mailto:biodiesel@mpob.gov.my)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT

- Skim insentif biodiesel sawit berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 2014 berdasarkan first come first serve basis dan tamat pada 31 Julai 2014.
- Kadar insentif adalah sebanyak RM300 setan biodiesel sawit.
- Bayaran hanya akan dibuat selepas penilaian dan pengesahan oleh MPOB.
- MPOB berhak mengadakan pemeriksaan ke premis perniagaan sekiranya perlu.
- Kuota biodiesel sawit yang diluluskan akan disemak semula setiap bulan dan MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan sekiranya tidak digunakan.
- Bayaran dibuat mengikut kelulusan kuota dan pembelian/ pembekalan sebenar biodiesel sawit.
- Jika terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran syarat-syarat yang tersenarai di atas, pihak MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan dan kemudahan wang insentif tersebut serta tindakan undang-undang boleh diambil.

TEMPOH :

1 Jan - 31 Julai 2014 \*(Tertakluk kepada peruntukan)

## ANNOUNCEMENT

### Intensive Diploma in OIL PALM MANAGEMENT & TECHNOLOGY 2014

**OBJECTIVE AND EXPECTED OUTCOME**  
The objective of the programme is to train candidates in oil palm plantation management and technology. Other subjects taught include labour legislation, finance, engineering and processing. At the end of the course, candidates should be:

- knowledgeable on current management practices and technologies of the oil palm industry
- acquainted with current research and developments in oil palm/palm oil;
- able to apply the management principles and technologies in their workplaces

**ABOUT THE PROGRAMME**  
The course comprises of lecture, project reports, assignments, practicals and examination. It is conducted in English. Participants are encouraged to actively participate in discussions and interactions throughout the programme.

**COURSE FEE**  
**MALAYSIANS**  
The course fee is RM 6000 per candidate. The fee covers tuition, course materials, meals, practicals and visits/travels throughout the course.

**NON-MALAYSIANS**  
The course fee is €3000 per candidate. The fee covers tuition, course materials, meals, practicals and visit/travels throughout the course.  
Participants are advised to apply early. Places are limited and awarded on a first-come first-serve basis. Late applications without payment will not be considered.

**COURSE PERIOD**  
13 April 2014 - 25 June 2014

**INFORMATION AND ENQUIRIES**  
For further information, please contact:  
Director-General  
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)  
& Persiaran Institut,  
Bandar Baru Bangi,  
43000, Kajang, Selangor,  
Malaysia.

Attn:

- \* Ruba'ah Maar: Tel: 03-87694567 / [rubaah@mpob.gov.my](mailto:rubaah@mpob.gov.my)
- \* Norhaliza bt. Kasim: Tel: 03-87694570 / [ej@mpob.gov.my](mailto:ej@mpob.gov.my)
- \* Ormai Kamal: Tel: 013-332660 / [ormaikamal@mpob.gov.my](mailto:ormaikamal@mpob.gov.my)

Registration Form can be retrieved from [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



Pegawai PEMANDU dan MPOB bersama kakitangan KKS Kim Loong semasa lawatan kerja ke kilang itu bagi meninjau pelaksanaan kerja yang berupaya mencapai OER tertinggi.

# KKS Kim Loong capai OER tertinggi 2013

“Beliau berkata, pencapaian itu adalah hasil dari kerja keras pegawai dan pekerja kilang serta pekerja ladang bagi memastikan kilang ini merekodkan pencapaian yang terbaik, sekali gus mencapai sasaran bagi meningkatkan produktiviti.

**Kualiti buah**

“Penurunan sedikit itu adalah berpunca daripada kualiti Buah Tandan Segar (BTS) yang diterima oleh kilang terjejas berbanding dengan penerimaan BTS pada tahun sebelumnya disebabkan keadaan cuaca, terutama hujan dan berlakunya banjir di kawasan ladang sawit,” katanya.

PEMANDU yang diketuai Ku Kok Peng berkata, lawatan kerja bersama pegawai MPOB ke kilang itu adalah untuk meninjau dan melihat pelaksanaan kerja KKS Kim Loong yang berupaya mengekalkan pencapaian tertinggi OER.

“Kejayaan KKS Kim Loong mengekal dan mencapai purata OER tertinggi seluruh negara bagi tiga tahun berturut-turut itu boleh dijadikan model dan penanda aras kepada kilang sawit yang lain untuk mencontohnya,” katanya.

Gan Lian Hoe ketika taklimatnya kepada pegawai PEMANDU dan pegawai MPOB berkata, mereka sangat beruntung kerana jenis tanah siri Tanjung Lipat dan Paliu di ladang-ladang sawit syarikat Kim Loong sangat subur dan berupaya menghasilkan BTS yang berkualiti.

rikat Kim Loong sangat subur dan berupaya menghasilkan BTS yang berkualiti.

“Keadaan itu dibantu pula dengan taburan hujan yang melebihi 2000mm/tahun dan amalan pertanian yang baik (Good Agricultural Practice) serta standard penuaian yang baik (Good Harvesting Standard) yang telah diamalkan oleh pekerja syarikat Kim Loong,” katanya.

**Amalan menggred**

Faktor lain, seperti amalan menggred ke atas 100 peratus BTS yang hendak diproses oleh kilang adalah sangat diberi keutamaan.

“Semua aktiviti pengendalian seperti mengalih dan memungkah dilakukan dengan cermat supaya tidak merosakkan BTS yang akan diproses. Hanya BTS yang berkualiti saja akan diproses dan amalan ini di lakukan oleh KKS Kim Loong pada masa kini,” katanya.

KKS Kim Loong juga mengamalkan amalan pengilangan baik (Good Milling Practice) dan mengamalkan sepenuhnya Manual Penggredan Buah Sawit MPOB disamping menyediakan insentif insentif bayaran menarik kepada pembekal BTS yang membekalkan BTS berkualiti.

“Tahun 2013, KKS Kim Loong juga merekodkan kadar kehilangan minyak di kilang yang efisien iaitu kurang dari 0.6 peratus,” katanya.

» *Kejayaan kekal rekod selama tiga tahun dan jadi model kepada kilang sawit lain*

Oleh Dr Zainon Mat Sharif  
zainon@mpob.gov.my

**Bangi**

**K**ilang Kelapa Sawit (KKS) Desa Kim Loong Sdn Bhd, Keningau, Sabah, berjaya merekod dan mengekalkan pencapaian purata Kadar Perahan Minyak (OER) tertinggi seluruh negara tahun 2013, iaitu sebanyak 24.07 peratus.

Bagaimanapun, pencapaian ini merosot sedikit berbanding pencapaian 2012, iaitu sebanyak 24.13 peratus, kata Timbalan Pengurus Besar, Kim Loong Resources Berhad, Gan Liong Hoe kepada pegawai PEMANDU dan pegawai MPOB yang melakukan lawatan kerja ke kilang itu baru-baru ini.

“Namun, KKS Desa Kim Loong tetap berbangga dengan pencapaian OER berkenaan yang sudah melepasi sasaran National Key Economic Area (NKEA) di bawah Entry Point Project 4 (EPP4), iaitu mencapai purata OER sebanyak 23 peratus menjelang 2020,” katanya.



**SKIM TANAM SEMULA SAWIT PEKEBUN KECIL (TSSPK)**  
*Tempoh Skim: Januari 2014 sehingga habis peruntukan*

<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempercepatkan menanam semula sawit tua oleh pekebun kecil dengan bantuan pengurangan kos.</li> <li>• Mencapai purata hasil BTS (Buah Tandan Segar) negara 26 tan/ha/tahun pada tahun 2020.</li> </ul> <p><b>SYARAT PERMOHONAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekebun kecil sawit persendirian dengan jumlah keluasan pemilikan tanah maksimum 40.46 hektar (100 ekar).</li> <li>• Tanaman sawit berumur melebihi 25 tahun atau yang tidak produktif.</li> <li>• Mempunyai lesen MPOB.</li> <li>• Tanaman secara bawahtan (underplanting) tidak dibenarkan.</li> </ul> <p><b>KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>INDIVIDU</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pekebun menguruskan sendiri kerja berikaitan tanam semula dan menuntut bayaran daripada MPOB dengan mengemukakan resit/surat akuan bersaksi.</li> </ul> </li> <li>• <b>KELOMPOK</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pekebun menyerahkan urusan tanam semula kepada kontraktor yang dilantik oleh kelompok dengan nasihat MPOB.</li> </ul> </li> </ul>	<p><b>NILAI BANTUAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai Bantuan adalah RM7,500 (Semenanjung), RM9,000 (Sabah dan Sarawak)</li> </ul> <p><b>SKOP BANTUAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan tanah, menebang, membersihkan, membina teres/tapak kuda/saliran (jika perlu), membaris, melubang dan menanam.</li> <li>• Anak benih sawit berumur 10-14 bulan.</li> <li>• Baja:             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahan Fosfat</li> <li>- Baja Sebatian Tahun 1</li> <li>- Baja Sebatian Tahun 2</li> <li>- Racun rumpai/perosak</li> </ul> </li> </ul> <p><b>UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zulkefli Abd Manaf (Tel: 03-8769 4489/012-226 0595-Semenanjung)</li> <li>• Amran Arifin (Tel: 089-897 106/013-555 0908-Sabah)</li> <li>• Mohd Arfan Johari (Tel: 083-436 122/013-8333 22-Sarawak)</li> </ul>
--	---

Jangan Berleengah Lagi....!

  
**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)**  
Kementerian Pertanian, Perikanan dan Kemajuan Masyarakat  
 A, Persiaran Institut Rantau Rima, Bangi, 43000 Kajang Selangor, Malaysia. Tel: 834749 4483 Fax: 834-8923 9444  
 www.mpob.gov.my

- INFO**
- KKS DESA KIM LOONG**
- ⊗ Mengamalkan **Good Agriculture Practice**
  - ⊗ Mengamalkan **Good Harvesting Standard**
  - ⊗ Mengamalkan **penggredan 100 peratus di ladang**
  - ⊗ Mengamalkan **penerimaan BTS**
- luar yang berkualiti saja >80 peratus buah masak
- ⊗ Mengamalkan **penggredan 100 peratus di ramp kilang**
  - ⊗ Mengamalkan **Good Milling Practice**
  - ⊗ Mengamalkan **insentif bagi semua pembekal BTS yang berkualiti**
  - ⊗ Mengamalkan **hubungan komunikasi yang baik di antara ladang, kilang dan pembekal**

# RHYNO: Jentera kompak beroda pelbagai guna di ladang sawit

» Penggunaan jentera dapat mengurangkan beban kerja tingkat kadar pengeluaran

Oleh Mohd Solah Deraman  
solah@mipo.gov.my

Penjenteraan merupakan elemen penting dalam meningkatkan produktiviti. Apabila disebutkan penjenteraan, ia membabitkan penggunaan jentera atau alat yang akan digunakan bergantung kepada aktiviti bagi memudahkan sesuatu aktiviti dilaksanakan.

Dalam sektor perladangan, penggunaan jentera untuk aktiviti pengeluaran dan peningkatan hasil merupakan satu keperluan.

Penggunaan jentera ini dapat mengurangkan beban kerja dan meningkatkan kadar pengeluaran setiap pekerja.

Dalam proses melengkapkan jentera-jentera moden dalam sektor perladangan, tidak memadai dengan hanya membeli dan menggunakan jentera yang dirasakan sekadar dapat membuat kerja di ladang saja. Jentera perlu digunakan sepenuhnya dengan kepelbagaian penggunaan dan aktiviti di ladang.

Dalam hubungan ini, perkara yang paling penting adalah dengan mengenalpasti jentera jenis apakah yang paling sesuai dan berkemampuan untuk digunakan bagi operasi yang 'pelbagai' tanpa perlu membuat pengubahsuaian.

Dengan kepastian ini, kaedah yang sesuai boleh dicari untuk memastikan jentera tersebut dapat digunakan sepenuhnya masa bagi mendapatkan pulangan modal yang sepatutnya.

**Antara jentera yang kebiasaan digunakan di ladang-ladang sawit**

Penggunaan jentera tidak menjadi masalah kepada ladang-ladang yang besar. Bagi pekebun kecil, memang tidak dapat dinafikan bahawa memiliki jentera adalah ekonomikal kepada yang mempunyai ladang yang lebih luas (lebih 100 ha).

Tetapi ini tidak bermakna jentera tidak boleh digunakan oleh pekebun kecil yang tidak mempunyai keluasan yang ekonomik.

Apa yang penting adalah minat untuk menjalankan aktiviti kebun secara efisien dan menyelesaikan masalah secara berkesan. Ianya boleh dilakukan secara berkelompok atau bekerjasama antara pekebun kecil.

Kebanyakan jentera yang ada di pasaran sekarang adalah jentera yang sesuai untuk kawasan yang rata dan sedikit beralun seperti traktor dan sebagainya.

Tiada jentera yang dibuat khusus untuk kawasan-kawasan bermasalah seperti di tanah gambut, kawasan becak, berair dan kawasan yang berbukit.

Di kawasan ini, aktiviti ladang dilaksanakan hampir 100 peratus secara manual atau dengan menggunakan alat pengangkut konvensional seperti kereta sorong dan kerbau.

Menyedari hakikat ini, Pusat Mekanisasi Ladang MPOB mengambil langkah proaktif mengkaji dan menghasilkan jentera yang sesuai untuk kawasan tersebut.

Penghasilan jentera ini bukan sebagai persaingan kepada jentera yang

ada di pasaran. Ia adalah sebagai pilihan kepada pengguna untuk menggunakan jentera yang betul dan sesuai untuk sesuatu kawasan sama ada gambut, kawasan beralun, bukit atau berair.

Penghasilan jentera pengangkut pelbagai guna kompak yang dikenali dengan nama RHYNO dilakukan dengan kerjasama syarikat pembekal jentera tempatan iaitu Mizuo Holdings Sdn Bhd.

Penghasilan ini adalah berdasarkan kejayaan dalam menghasilkan jentera pelbagai guna kompak bertrek yang dikenali dengan BELUGA untuk kawasan ladang sawit di tanah gambut yang sebelum ini kerja-kerja ladang dilakukan secara manual atau menggunakan kereta sorong.

Kedua-dua BELUGA dan RHYNO menggunakan kepakaran dan teknologi Korea Selatan.

Jentera Beluga melakukan demonstrasi kerja di ladang sawit tanah gambut.

Daripada kerjasama ini, kajian reka bentuk dan spesifikasi dilakukan mengikut kesesuaian penggunaan di ladang sawit.

Ini secara langsung akan menghasilkan jentera yang betul-betul sesuai untuk sesuatu keadaan permukaan tanah dengan aktiviti yang hendak dilakukan sama ada mengangkut buah sawit, membaja pokok dan meracun.

Dengan itu, penggunaannya adalah optimum dan tiada pembaziran penggunaan. Dengan terhasilnya RHYNO selepas penghasilan BELUGA, keperluan jentera untuk semua keadaan permukaan tanah tidak mempunyai masalah lagi.

Kini bergantung kepada peladang dan pekebun kecil sawit sama ada ingin menggunakan teknologi yang dihasilkan atau sebaliknya.



**Rhyno melakukan kerja pemungahan buah sawit**

Bagi mengelakkan kerja yang berulang (double handling), reka bentuk bin RHYNO adalah high pivot yang berupaya memunggah buah sawit terus ke dalam bin yang diletakkan di tepi jalan utama sebelum dibawa ke kilang pemrosesan. Ini akan menjimatkan masa dan mengurangkan biji relai serta kerosakan tandan buah sawit yang dikutip.

Bagi mempelbagaikan penggunaannya, Rhyno dilengkapi dengan PTO (Power Take Off) yang kadar pusingannya sama dengan yang ada pada traktor yang mana boleh dipasang dengan peralatan membaja (spreader) dan meracun (sprayer).

Sehubungan itu, RHYNO adalah jentera pelbagai guna dan merupakan jentera yang dibuat mengikut spesifikasi dan penggunaan yang dikehendaki.

**RHYNO dilancarkan pada 23 Oktober 2012 semasa PalmMech Seminar dan kini RHYNO sudah boleh ditempah.**

MPOB sangat bangga dengan penghasilan RHYNO selepas kejayaan penghasilan jentera untuk kawasan tanah gambut yang dikenali dengan BELUGA kerana ia memberi pakej lengkap dalam membantu menyelesaikan masalah kerja-kerja di ladang sawit.

Bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut berhubung jentera ini boleh berhubung dengan pejabat MPOB atau berhubung terus dengan MIZOU Holdings Sdn Bhd yang mengkomersialkan jentera ini bagi pihak MPOB.



Jentera Rhyno sedang memunggah buah sawit di ladang.



# MPOB pertingkatkan penguatkuasaan dan pelesenan

» *Pastikan industri sawit negara berdaya saing, berupaya hasil minyak berkualiti*

Oleh **Che Johari Mamat**  
mjohari@mpob.gov.my

Bangi

MPOB akan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dan akan memperkembangkan pelaksanaan kerja pelesenan bagi memastikan industri sawit negara terus berkem-

bang maju, sihat dan berupaya menghasilkan minyak sawit berkualiti dan memenuhi permintaan serta kehendak pengguna.

Pengarah Penguatkuasa dan Pelesenan MPOB, Muslim Iman Amat Samsuddin, berkata demikian semasa sesi taklimat Sistem Pemantauan Sawit (SPS) kepada pemegang lesen MPOB, baru-baru ini.

## SPS kesan aktiviti tak sihat

Melalui pelaksanaan SPS ini, kita akan berupaya mengesan aktiviti tidak sihat seperti kegiatan sedut curi minyak sawit semasa pengalihan oleh lori tangki dengan pantas dan berkesan.

“Kegiatan sedut curi minyak sawit adalah kegiatan haram yang menyebabkan berlakunya

pencemaran ke atas minyak sawit dengan bahan lain yang akan membahayakan kesihatan sekiranya dimakan.

“Melalui SPS, lori pengangkut minyak sawit, pemandu dan syarikat terbabit akan didaftarkan dan dilesenkan oleh MPOB dengan syarat tertentu bagi memudahkan kerja pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan,” katanya.

Taklimat itu dirasmikan oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan dihadiri lebih 350 pemegang lesen MPOB Wilayah Tengah yang meliputi Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka dan Negeri Sembilan.

Muslim juga berkata, MPOB bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa melakukan ope-

“Melalui SPS, lori pengangkut minyak sawit, pemandu dan syarikat terbabit akan didaftarkan dan dilesenkan oleh MPOB dengan syarat tertentu bagi memudahkan kerja pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan”

**Muslim Iman Amat Samsuddin**  
Pengarah Penguatkuasa dan Pelesenan MPOB

rasi bersama bagi membanteras kes kecurian buah tandan segar (BTS) di ladang-ladang sawit.

“Hasil siasatan didapati kecurian BTS berlaku pada masa kini adalah disebabkan harga komoditi itu yang tinggi dan buah-buah sawit yang sudah dituai di kumpulan di tepi jalan tanpa pengawasan.

“MPOB mengalu-alukan mak-

lumat dan aduan dari orang ramai mengenai kes kecurian seperti ini,” katanya.

Sementara itu mengenai kesalahan membeli BTS daripada pembekal tanpa lesen, beliau berkata sehingga Disember 2013, sejumlah 37 kes telah dikesan dan dari jumlah itu, 26 kes telah diambil tindakan kompaun.

## Perlu patuhi syarat

Beliau juga menegaskan permohonan baru lesen bagi aktiviti mengilang BTS di Semenanjung Malaysia perlu memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu mempunyai sekurang-kurangnya 4,000 hektar ladang sendiri sebagai sumber bekalan BTS kepada kilang baru berkenaan.

Bagi memastikan kilang mencapai kadar perahan minyak (OER) yang tinggi, MPOB telah menempatkan pegawai penguatkuasa di kilang sawit di seluruh negara bagi memastikan penerimaan dan pemprosesan BTS di kilang itu hanya dibuat ke atas BTS berkualiti saja.

“Bagi pembaharuan lesen, beliau menasihati pemegang lesen supaya membuat permohonan dalam masa 30 hari sebelum tamat tarikh tempuh. Denda akan dikenakan ke atas kelewatan membuat pembaharuan lesen,” katanya.

# Koperasi Mampan Saratok tingkat pendapatan pekebun

Oleh **Nur Hanani Mansor**  
nurhanani@mpob.gov.my

Bangi

Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Saratok Berhad (KPSMDSB), Saratok, Sarawak, berjaya meningkatkan sehingga 5 peratus pendapatan ahlinya yang terdiri dari pekebun kecil sawit berbanding dengan pendapatan yang dihasilkan sebelum menyertai koperasi.

Pada tahun 2013, purata harga buah sawit yang dipasarkan KPSMDSB adalah RM60.00/tan lebih tinggi berbanding dengan harga belian oleh peraih buah sawit persendirian, kata pekebun kecil yang juga ahli koperasi, Fadzli Othman.

Fadzli yang mempunyai 12 hektar kebun sawit berkata, anggaran kasar pendapatan beliau bagi setiap hektar pada tahun 2013 adalah RM4,800 berbanding RM4,300 hingga RM4,550 sebelum menyertai koperasi.

KPSMDSB yang ditubuh dan diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 16 Februari 2011 dirasmikan pelancaran penubuhannya oleh Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad ketika itu.

Sehingga kini, ia mempunyai 410 orang ahli berdaftar yang terdiri dari pekebun kecil sawit dengan jumlah keluasan 1,331.34

hektar meliputi seluruh kawasan Saratok dan Bahagian Betong di Sarawak.

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) merupakan inisiatif Jawatankuasa PEMANDU melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dibawah program National Key Economic Area (NKEA) bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Menjelang tahun 2016, Jawatankuasa PEMANDU mensasarkan penubuhan sebanyak 80 buah Koperasi Penanam Sawit Mampan seluruh Malaysia.

## Keahlian terbuka kepada semua pekebun kecil

Keahlian KPSMDSB terbuka kepada semua pekebun kecil sawit yang memiliki kebun sawit di bawah keluasan 40.46 hektar dan berada di dalam kawasan operasi KPSMDSB seperti yang termaktub di dalam undang-undang kecil koperasi.

“KPSMDSB merupakan koperasi yang pertama memasarkan buah sawit ahli-ahlinya secara berkelompok dalam negara”



Fadzli sedang mengumpul hasil sawitnya untuk dipasarkan terus kepada kilang sawit Saratok.

KPSMDSB memulakan operasi belian buah sawit pada bulan Julai 2012 dan merupakan koperasi yang pertama melaksanakan pemasaran buah sawit ahli-ahlinya secara berkelompok dalam negara.

Buah sawit ahli dipasarkan terus kepada kilang sawit Saratok (Saratok Palm Oil Mill) dan pihak kilang menawarkan kadar perahan minyak (OER) sebanyak 19.50 peratus dan kadar perahan isirung (KER) sebanyak 4.50 peratus sepanjang tahun 2013.

OER dan KER yang ditawarkan itu adalah lebih tinggi berbanding kadar yang ditawarkan kepada peraih buah sawit persendirian dan sehingga Disember 2013, KPSMDSB berjaya memasarkan buah sawit ahlinya secara berkelompok kepada kilang berkenaan sebanyak 7,020.05 tan.

## Harga bayaran lebih tinggi

Walaupun KPSMDSB melunas bayaran secara 2 kali sebulan, namun harga bayaran yang lebih tinggi berbanding dengan harga

belian oleh peraih persendirian itu menarik minat ahli supaya urusan pemasaran buah sawit mereka diuruskan oleh koperasi.

Fadzli berkata, sebagai ahli KPSMDSB, beliau mudah mendapat maklumat terutama inovasi baru berkaitan sawit. Selain itu, khidmat nasihat yang disampaikan oleh pegawai TUNAS terutama berkaitan Amalan Pertanian Baik (GAP) membantu beliau dalam mengurus kebun sawit secara efisien.

# Inovasi bersepadu kawal ulat bungkus

» MPOB hasil inovasi baru bendung makhluk perosak pokok sawit

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

mencari jalan yang lebih mesra alam sekali gus menjadikan komoditi sawit di negara ini sebagai satu produk yang dihasilkan secara sihat dan mesra kepada alam sekitar.

Ketua Unit Entomologi & Mikrobiologi Gunaan MPOB, Dr Siti Ramlah Ahmad Ali, berkata dua spesies ulat bungkus yang biasa ditemui di Malaysia iaitu *Metisa plana* dan *Pteroma pendula* merupakan spesies utama menyerang dan merosak pokok sawit.

### Daun sawit berlubang

Antara kawasan yang teruk diserang perosak ulat bungkus ini ialah Selatan Perak dan beberapa kawasan di Johor dan Miri, Sarawak.

Katanya: "Larva muda mengikis permukaan epidermis daun manakala larva matang menyebabkan daun sawit berlubang dan akhirnya kering seterusnya menjejaskan hasil sawit pokok berkenaan.

"Di kawasan serangan yang teruk, larva tertumpu pada pelepah bahagian atas (muda) hingga menyebabkan lai daun sawit tinggal lidi. Ulat bungkus ini tidak memilih pokok sawit muda atau tua.

"Ia boleh tergantung pada permukaan daun dan apabila ditiup angin ia boleh merebak ke pokok sawit berhampiran melalui benang suteranya. Kawalan dilakukan dengan membuat bancian larva pada pokok bagi mengenali pasti peringkat dan bilangan ulat bungkus itu bagi memastikan operasi kawalan di-



Semburan Ecobac-1(EC) digunakan untuk mengawal kawasan serangan ulat bungkus yang luas.

lakukan dengan tepat dan berkesan."

Dr Siti Ramlah berkata: "MPOB menggunakan kaedah pengurusan perosak bersepadu (IPM) yang membabitkan empat ejen yang serasi dan mesra alam.

### Bt bendung populasi perosak

"Sistem IPM ini menggabungkan bakteria bermanfaat *Bacillus thuringiensis* (Bt), serangga bermanfaat, tanaman berfaedah seperti *Cassia coganensis* dan *Tunera* spp dan perangkap feromon asli. Bt digunakan dalam sistem IPM sebab ia spesifik kepada sasarannya iaitu ulat bungkus peringkat larva awal. Tanaman berfaedah pula ditanam di sepanjang jalan besar menghasilkan madu sebagai sumber makanan kepada serangga

bermanfaat iaitu pemangsa dan parasitoids kepada ulat bungkus. Manakala perangkap feromon asli menggunakan dewasa betina bagi merangkap sebanyak mungkin dewasa jantan ulat bungkus.

"Tidak seperti racun kimia, Bt mengurangkan populasi perosak ke bawah nilai ambang iaitu 10 per pelepah, tidak menjejaskan serangga bermanfaat dan membenarkan serangga bermanfaat melengkapkan kitaran hidupnya.

"Semuanya dilakukan secara mesra alam dan tidak membahayakan kerana dengan sistem IPM, kami meminimumkan penggunaan bahan kimia supaya komoditi sawit Malaysia dikenal sebagai produk mesra alam di seluruh dunia.

"Ini kerana Bt bertindak per-

lahan-lahan, spesifik terhadap sasaran, tiada kesan sampingan dan menghasilkan kawalan jangka panjang, ia tidak menjejaskan organisma bukan sasarannya seperti serangga bermanfaat dan pemangsa dan parasitoid," katanya.

Sebagai usaha komersial, MPOB, katanya menghasilkan produk Bt untuk semburan udara, Ecobac-1 (EC) sejak 2009.

"Buat masa ini MPOB menghasilkan Produk Ecobac-1(EC) di logi-rintis MPOB, MICROTEC dengan kapasiti pengeluaran 57,600 liter setahun.

"Mereka yang ingin menyertai sistem IPM dan memerlukan khidmat nasihat bagi kawalan ulat bungkus di ladang sawit bolehlah menulis terus kepada Ketua Pengarah MPOB," katanya.

# Pes pencuci pinggan berasas sawit berkesan

**Keperluan** menjaga alam sekitar adalah menjadi tanggungjawab kepada seluruh masyarakat dan pelbagai usaha dilaksanakan bagi memastikan keadaannya terjamin.

Bagi pengguna yang menggunakan bahan cucian untuk membasuh pinggan mangkuk, mereka amat prihatin dengan bahan cucian yang tertinggal pada pinggan mangkuk selepas basuhan. Malah sisa kimia daripada basuhan yang disalurkan ke sungai juga boleh menyebabkan pencemaran.

Menyedari akan kepentingan menjaga alam sekitar, Pegawai Penyelidik Kanan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Zulina Abd Maurad berjaya menghasilkan teknologi pes pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit yang mesra alam dan mempunyai prestasi cucian berkesan dan efektif.

"Idea untuk mencipta bahan cucian berasaskan sawit terce-

tus selepas penghasilan bahan pencuci pakaian.

### Bahan aktif SME

"Berbanding bahan pencuci pakaian, keperluan pencuci pinggan mangkuk yang tidak banyak penggunaan kimia dalam penghasilannya adalah lebih diperlukan," katanya

Untuk menghasilkan pes pencuci berasaskan sawit itu yang lebih bersifat semula jadi dan mesra alam, alpha metil ester sulfonat (SME) digunakan sebagai bahan aktif.

SME atau juga dikenali sebagai MES adalah surfaktan anionik berasaskan oleokimia seperti minyak sawit yang boleh diperolehi melalui proses sulfonasi ke atas metil ester tanpa melalui penyediaan alkohol.

Dengan menggunakan bahan ini, kos pengeluarannya adalah lebih murah berbanding surfaktan lain seperti linear alkil benzen sulfonat (LAS) yang perlu



Zulina Abd Maurad bersama pembantunya menunjuk produk pes pencuci berasas sawit hasil penyelidikannya.

diimport dari negara luar.

Kelebihan penggunaan SME sebagai bahan aktif dalam pes pencuci pinggan mangkuk dan produk yang diformulasikan menunjukkan prestasi cucian, kuasa busa dan daya larutan yang lebih berkesan berbanding dengan produk yang berada di pasaran.

Pes pencuci pinggan mangkuk berasaskan SME juga adalah mesra alam dan tidak merengsa kulit dan ia diadun bersama bahan perapi kulit seperti vitamin E.

"Dengan menggunakan pes

ini juga dapat mengekalkan bentuk fizikal asal dan menghalang pengecutan ke atas produk selepas ia digunakan.

"Pengguna juga akan merasa selesa menggunakan pes ini kerana ia tidak meninggalkan kesan comot selepas dicuci dan pes itu senang digunakan kerana ia lembut dan tahan ke atas air," katanya.

Menurut Zulina, buat masa ini hanya pes diperkenalkan terlebih dahulu memandangkan ia berseesuaian digunakan untuk apa keadaan iklim berbanding cecair

yang sangat sensitif dengan perubahan suhu.

### Kos pengeluaran murah

Berdasarkan pasaran di Malaysia, kajian menunjukkan sebanyak RM90 juta atau 47 peratus pasaran pencuci pinggan mangkuk adalah berbentuk pes, manakala pasaran di China menunjukkan peningkatan sebanyak 25 peratus dari tahun 2002 hingga 2010.

Kos untuk mengeluarkan pes pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit unit seberat 400 gram berasaskan skala makmal adalah RM1.20 lebih murah berbanding produk komersial pada berat yang sama bernilai RM2.29 hingga RM2.99.

Kos penghasilan produk yang sederhana sesuai untuk industri kecil dan sederhana.

Penghasilan pes pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit dapat membantu mengurangkan eksport ejen surfaktan dari luar negara.

Kelebihan pes pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit itu telah berjaya menarik minat beberapa syarikat swasta untuk membangunkan dan mengkomersilkannya.



# Kepentingan hasil sawit kepada manusia

» *Tanaman komoditi main peranan penting sebagai jaminan makanan dunia*

Minyak sawit yang terhasil daripada buah sawit, adalah salah satu komoditi yang penting untuk negara. Industri ini kini adalah tulang belakang ekonomi Malaysia. Menariknya, sejarah penanaman pokok sawit bermula hanya sebagai pokok hiasan di negara ini pada

tahun 1875. Asal pokok sawit yang mempunyai nama saintifik, *Elaeis guineensis*, adalah dari Afrika Barat.

Pokok sawit boleh dikesan sejarahnya seawal 5,000 tahun lalu. Terdapat bukti yang menunjukkan buah sawit digunakan sebagai makanan ruji malahan ada minyak sawit yang dijumpai di dalam makam Mesir, sekali gus mencerminkan nilai tingginya dalam masyarakat berkenaan.

Penggunaan meluas minyak sawit di Afrika Barat membawa kepada pasaran antarabangsa akibat daripada Revolusi Perindustrian British dan perkembangan perdagangan luar negara.

Minyak sawit menjadi asas produk daripada pembuatan lilin hingga ke pelincir industri. Ia adalah penggerak di sebalik perkembangan pengeluaran perindustrian manakala minyak sawit merah yang kaya dengan nutrisi menjadi aset penting bagi pelayaran panjang.

Dengan adanya peningkatan permintaan, negara Eropah mula melabur dalam pengeluaran minyak sawit yang bermula di Afrika Barat dan kemudian berkembang ke Asia Tenggara. Peneroka dan usahawan Eropah melihat ini satu peluang dalam pengeluaran minyak sawit secara komersial untuk menghasilkan sabun, minyak pelincir dan minyak makan. Ini membawa kepada perkembangan mendadak pembukaan ladang sawit di sub Sahara Afrika dan Asia Tenggara. Ladang sawit komersial pertama di Malaysia ditubuhkan pada tahun 1917 di Estet Tennamaran, Selangor.

### Penggunaan meluas

Hari ini, minyak sawit digunakan dalam makanan oleh lebih daripada 100 buah negara. Di sesengah tempat, minyak buah sawit dimakan tanpa diproses sebagai ramuan hidangan tradisional. Walau bagaimanapun, untuk kebanyakan pengguna, terutama rakyat Malaysia, mereka lebih mengenali minyak sawit dalam bentuk produk minyak sayuran yang terdapat di kedai-kedai dan digunakan dalam masakan seharian.

Sebenarnya, selain dalam bentuk minyak sayuran untuk memasak, minyak sawit juga ada di dalam kebanyakan produk makanan yang anda makan seperti mee segera, susu formula bayi, campuran kek, snek sarapan, kerepek kentang dan makanan ringan lain.

Penggunaan minyak sawit semakin meluas dan diiktiraf sebagai memainkan peranan dalam diet yang seimbang. Minyak



sawit adalah makanan yang berkhasiat. Ia tidak mempunyai lemak trans, satu jenis lemak yang membahayakan jika dimakan dalam jumlah yang besar.

Selain itu, minyak sawit wujud dalam kuantiti yang banyak, boleh didapati pada harga yang berpatutan, dan sesuai untuk digunakan bagi kebanyakan produk makanan. Ini adalah sebab-sebab mengapa minyak sawit kini merupakan minyak sayuran terbesar didagangkan di peringkat antarabangsa, sekali gus membuktikan penerimaannya di pasaran global.

Kira-kira 90 peratus daripada minyak sawit pada masa ini digunakan dalam makanan dan pembuatan produk makanan manakala baki 10 peratus adalah untuk barangan pengguna yang bukan makanan.

### Jaminan makanan

Minyak sawit memainkan peranan penting dalam memastikan keperluan makanan dunia mencukupi atau dipanggil jaminan makanan. Melalui penyelidikan industri dan usaha-usaha pembangunan, dan pelaburan dalam teknologi canggih, industri minyak sawit Malaysia boleh mencapai keseimbangan antara memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan memelihara alam sekitar.

Apa sebenarnya jaminan makanan? Menurut *Food and Ag-*

*riculture Organization of the United Nations (FAO)* atau Pertubuhan Makanan dan Pertanian, jaminan makanan wujud apa bila semua orang, pada setiap masa, mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat dalam memenuhi keperluan pemakanan dan pilihan makanan mereka untuk kehidupan yang aktif dan sihat. Pada tahun 1999, penggunaan lemak dan minyak dalam produk makanan per kapita adalah sebanyak berjumlah 31 kilogram.

Jika jumlah penduduk dunia meningkat sebanyak 80 juta setiap tahun, akan ada permintaan tambahan sebanyak 2.5 juta tan metrik yang perlu dipenuhi. Tambahan pula, 31 kilogram setiap orang adalah purata global yang tidak bermakna bahawa peningkatan tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan.

Untuk memenuhi permintaan tinggi ini adalah mustahil tanpa hasil yang lebih besar. Inilah puncanya industri minyak sawit Malaysia melakukan pelaburan besar untuk memastikan hasil sawit dipertingkatkan. Oleh kerana tanah yang dikhaskan untuk pembangunan pertanian semakin berkurangan, sumbangan minyak sawit perlu datang dari penyelidikan-penyelidikan berjaya yang dijalankan di Malaysia, di mana klon pokok sawit mampu menghasilkan lebih 25 hingga 50 peratus tandan buah yang kini telahpun ditanam di ladang. Maka, produktiviti tanah yang lebih tinggi dijangka akan diperoleh daripada pokok sawit pada masa hadapan tanpa perlu mendapatkan tanah baru.

● **Artikel ini adalah terjemahan artikel-artikel daripada <http://theoilpalm.org>. Sila layari laman web berkenaan untuk mendapatkan salinan asal artikel-artikel ini.**

**POTS**  
PALM OIL TRADE FAIR & SEMINAR 2014

- 16-17 JAN 2014 KARACHI, PAKISTAN**  
Contact person: Fatimah Zahrah, fahmah@mpoc.org.my; Fokid Isah, fahmah@mpoc.org.my
- 10-20 JAN 2014 TEHRAN, IRAN**  
Contact person: Masduki, masduki@mpoc.org.my; Hanis, hanis@mpoc.org.my
- 24-25 JAN 2014 MUMBAI, INDIA**  
Contact person: Fatimah Zahrah, fahmah@mpoc.org.my; Elwan, elwan@mpoc.org.my
- 22-23 SEPT 2014 SHANGHAI, CHINA**  
Contact person: Lin Ting Chui, ltingchui@mpoc.org.my; Sherry, sherry@mpoc.org.my
- 19-20 OCT 2014 KUALA LUMPUR, MALAYSIA**  
Contact person: Mohd Idris Hassan, mihassan@mpoc.org.my; Muhamad Huzair, huzair@mpoc.org.my

Malaysian Palm Oil  
Kajit pada waktu. Ajit pada lita.  
www.mpo.org.my



Hasil sawit memainkan peranan penting sebagai jaminan makanan dunia.



# Minyak sawit punyai pelbagai keistimewaan

**M**inyak sawit sumber ekonomi terpenting negara. Anugerah alam ini umpama 'tanaman emas' yang mempunyai pelbagai keistimewaan bermula dari batang hingga ke buahnya. Pokok tergolong dalam famili palma ini hidup subur di bumi Malaysia dan mencapai usia produktif sehingga 25 tahun. Semanganya minyak sawit amat sesuai untuk pembuatan produk makanan dan bukan makanan. Objektif Projek Permulaan (EPPs) yang dilaksanakan melalui Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) meletakkan industri sawit sebagai antara pencetus segmen berasaskan makanan-makanan, kesihatan, bahan bakar ke pasaran global.

**PEMENANG PERTAMA**  
**Firdaus Aqmal Bin Azman**  
(No. K/P: 981125-01-6147)  
**Sekolah Tinggi Muar, Jalan Meriam, 84000 Muar, Johor**

seperti soya, bunga matahari, canola menghasilkan minyak berprestasi tinggi contohnya berjenama 'Novelin' mempunyai titik berawan rendah sesuai bagi negara beriklim sejuk. Harga minyak sawit yang lebih rendah berbanding soya dan sesawi meningkatkan perkembangan industri makanan berasaskan sawit.

### Kelebihan Minyak Sawit

Kandungan asid lemak dalam minyak sawit dalam pembuatan makanan dengan kandungan mono tak tepu tinggi di aras kedudukan SN-2. Kelebihan semasa menggoreng berbanding soya terletak kepada kestabilan minyak berkualiti dalam suhu tinggi. Minyak sawit pengganti sesuai kepada lemak terhidrogenat, contohnya minyak sawit 'olein' dengan takat lebur 20 darjah Celcius digunakan secara meluas pada semua jenis masakan sebagai minyak tanpa lemak trans. Ini bermakna banyak produk makanan berkhasiat dapat dihasilkan sebagai makanan baik untuk diet yang sihat dan menjimatkan. Pada masa kini, produk makanan berasaskan minyak sawit digunakan secara meluas di kilang, hotel, kafe, gerai mahu pun di dapur anda.

### Aspek kesihatan

Dari aspek kesihatan minyak sawit adalah lemak yang tidak memudartkan kesihatan dan mempunyai

khasiat pemakanan yang baik. Ia mengurangkan kadar kolestrol, mencegah obesiti juga komplikasi jantung. Ia mengandungi vitamin E dalam penyembuhan parut dan kerengsaan kulit. Vitamin E (Tocotrienol) telah menghasilkan asid shikimik dan fenolik selain mengurangkan risiko kardiovaskular, ejen anti oksida pula mencegah barah.

Selain itu, hasil penyelidikan berkaitan tokotrienol sawit telah menghasilkan produk-produk inovasi lain dalam industri kosmetik seperti krim, losyen, anti kedut, pelindung matahari dan sebagainya. Inovasi lain seperti minuman 'Be Care' minyak sawit merah mengandungi beta karoten (Vitamin A) 15 kali ganda berkhasiat daripada lobak merah. Mengikut WHO ribuan kanak-kanak di negara membangun menjadi rabun dan buta akibat kekurangan Vitamin A. Seterusnya inovasi produk berasaskan 'Polyol' tanpa bahan kimia boleh memberi sokongan pada sendi tulang belakang dan postur tubuh hasil kehebatan produk inovasi berasaskan sumber sawit.

Pada masa ini, Malaysia juga telah mengorak langkah ke arah penggunaan biodiesel sawit atau B5 iaitu adunan lima peratus diesel sawit dan 95 peratus diesel petroleum. Penggunaan biodiesel sawit secara komersial telah dimulakan sejak pertengahan tahun 2011 di semua stesen minyak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Biodiesel sawit juga telah diperkenalkan penggunaannya di sektor perikanan. Penggunaan biodiesel sawit akan menyumbang ke arah persekitaran yang lebih mesra alam.

Kesimpulannya minyak sawit adalah sumber asas dalam pembuatan produk makanan juga produk bukan makanan. Bersamalah kita menyokong penghasilan dan menggunakan produk berasaskan sawit kerana ia lebih sihat, sangat berkualiti dan mesra alam. Masyarakat Malaysia harus berbangga dengan produk tempatan dan halal, juga berusaha menolak tanggapan negatif agar produk minyak sawit sentiasa diterima oleh masyarakat antarabangsa dan lebih berdaya saing. Yakini kehebatan produk berasaskan sumber sawit, sumber alam anugerah Tuhan.

## KUIZ SAWIT siri 39

### Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang yang disediakan
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 21 Mac 2014
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no, telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

### Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 39)  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor  
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

### Soalan Kuiz Sawit Siri 39

1. Agensi berikut terletak di bawah MPIC kecuali  
 Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara  
 Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
 Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
2. Ringkasan bagi Skim Diskaun Cantas ialah  
 SDIC  SKIDIC  SKIDICAN
3. Berikut adalah perosak tanaman sawit, kecuali  
 Ulat bungkus  Kumbang badak  Burung hantu
4. MPOB mempunyai enam pejabat wilayah di seluruh Malaysia yang terletak di negeri berikut, kecuali  
 Johor  Sabah  Perlis
5. Negara berikut adalah pengeluar minyak sawit dunia kecuali  
 Indonesia  Thailand  Denmark
6. Antara berikut, manakah bukan biojisim sawit bagi menghasilkan produk?  
 Pelepah Sawit  Batang Sawit  Akar Sawit
7. Pilih satu spesies buah sawit yang ditanam di Malaysia?  
 Dura  Elaies  Rossa
8. Apakah kandungan vitamin yang terdapat dalam minyak sawit?  
 D  A dan E  E dan B
9. Pokok sawit mulai mengeluarkan hasil seawal usia dua tahun hingga jangka hayat produktif iaitu  
 10 tahun  15 tahun  25 tahun
10. Pokok sawit mulai mengeluarkan hasil seawal usia dua tahun hingga jangka hayat produktif iaitu  
 Lilin hiasan  Detergen  Tisu dapur

### Borang Penyertaan Siri 39

Nama : \_\_\_\_\_  
Tahap : \_\_\_\_\_  
Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
No. Tel : \_\_\_\_\_

### Nama pemenang Siri 38

- |   |   |
|---|---|
| <p>1. Nurul Arinahuda Che Yassin<br/>Sek. Keb. Saujana, Setiu, Terengganu</p> <p>2. Shasha NurKhayra Azizi<br/>Sek. Keb. Minden Height, Changkat Minden, Gelugor, Pulau Pinang</p> <p>3. Mohammad Nabeel Yee Md Mubeen Yee<br/>Sek. Keb. Bukit Kemuning (2), Shah Alam, Selangor</p> <p>4. Alya Nurliyana Zahrim<br/>Sek. Keb. Seri Duyung, Duyung, Melaka</p> <p>5. Ani Farisa Ismail<br/>Sek. Keb. Leftenan Adnan, Kajang, Selangor</p> | <p>6. Wan Syaria Putri Ainanatasya<br/>Sek. Keb. Taman Klang Utama, Klang, Selangor</p> <p>7. Nurul Husna Zool Helmy<br/>Sek. Keb. Ampang, Jalan Ampang, Ampang, Kuala Lumpur</p> <p>8. Raihan Abd Samad<br/>Sek. Keb. Ampang, Jalan Ampang, Ampang, Kuala Lumpur</p> <p>9. Nurain Fakhrurazi<br/>Sek. Keb. Rtu Rendang, Marang, Terengganu</p> <p>10. Nur Ardini Noh<br/>Sek. Ren. Keb. Teluk Berembang, Lubok China, Melaka</p> |
|---|---|

## Peraduan mengarang esei Berita Sawit bulan Mac 2014

**P**eraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Tajuk: "Kepentingan hasil sawit kepada manusia. Bincangkan".**

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;  
Hadiah Pertama : RM250  
Hadiah Kedua : RM200  
Hadiah Ketiga : RM150  
Esei yang berjaya mendapat tem-

pat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Mac 2014 akan datang.

### Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Mac 2014
6. Hantarkan penyertaan ke alamat:  
Peraduan Mengarang Esei Be-

rita Sawit

Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Februari 2014

### Pemenang:

**Hadiah Pertama**  
**Firdaus Aqmal Azman**  
(No K/P: 981125-01-6147)  
Sekolah Tinggi Muar  
Jalan Meriam  
84000 Muar, Johor

Hadiah Kedua dan Ketiga  
Tiada pemenang



**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tengah) bersama Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon (empat dari kiri), Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Nurmalia Abdul Rahim (empat dari kanan) dan pegawai tertinggi Kementerian serta agensi semasa program Retreat Merealisasikan Transformasi Sektor Komoditi MPIC di Port Dickson, Negeri Sembilan.**



**Datuk Dr Choo Yuen May menyambut ketibaan Dr Saif Al Shaqsi, ketua delegasi pelawat dari Oman semasa lawatan ke MPOB.**



**Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad mempengerusikan dialog dengan wakil Persatuan Pekebun Kecil Kebangsaan (NASH) di Ibu Pejabat MPOB baru-baru ini.**



**Datuk Dr Choo Yuen May semasa mempengerusikan dialog antara MPOB dan industri sawit di Ibu Pejabat MPOB baru-baru ini.**



**Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (kiri) bersama Dr Saif Al Shaqsi (tengah) dan Dr Ahmad Al Maskri (kanan) dari Oman semasa melawat galeri sawit di Ibu Pejabat MPOB.**